

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan mengenakan cukai baru GST yang membebankan peniaga, pengguna dan rakyat keseluruhannya, sedangkan pembaikan pengurusan kewangan dan penjimatan mampu menyelamatkan ketirisan puluhan bilion ringgit seperti dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara, sekaligus Kerajaan mampu meraih cukup kewangan bagi membatalkan GST dan akan membebaskan rakyat daripada cengkaman GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST merupakan salah

satu langkah Kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara bagi menjadikannya lebih telus, efisien dan mesra peniaga. GST yang dicadangkan bukanlah merupakan cukai baharu tetapi merupakan cukai yang menggantikan cukai sedia ada iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Umumnya, antara faedah yang boleh didapati hasil daripada pelaksanaan GST adalah:

- GST berupaya mengatasi kelemahan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada yang mempunyai kelemahan dari segi cukai dua kali ganda atau elemen cukai atas cukai, isu pindahan harga dan tiada pelepasan cukai ke atas eksport;
- Pelaksanaannya mampu merangkumi cukai secara lebih berkesan serta berupaya menjana hasil yang lebih stabil dan berkembang selaras dengan pembangunan ekonomi; dan
- GST dapat mengurangkan karenah birokrasi serta dapat meningkatkan pematuhan cukai dan menggalakkan simpanan dan pelaburan bagi pembangunan yang mapan (*sustainable*).

Sistem GST yang dilaksanakan di Malaysia sewajarnya tidak membebankan golongan peniaga, pengguna dan rakyat secara

keseluruhannya. Ini kerana peniaga boleh menuntut kembali elemen GST yang terdapat dalam input perniagaan daripada Kerajaan melalui mekanisme tuntutan kredit cukai input. Oleh sebab itu, GST bukan merupakan kos kepada perniagaan.

Selain itu, kepentingan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa dijaga di mana pelbagai barang dan perkhidmatan asas seperti buah-buahan, serbuk teh, mi kuning, laksa, bahan bacaan, Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi 4,215 jenama ubat, perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan pendidikan tidak dikenakan GST.

Tambahan pula, Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama yang memberi manfaat kepada 70 peratus isi rumah di seluruh negara. Jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberikan pelepasan daripada GST. Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan tidak perlu lagi membayar GST.

Selaras dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan,

Kerajaan telah memperkenalkan pakej bantuan pelaksanaan GST kepada rakyat seperti berikut:

- i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas BR1M sedia ada;
- ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai; dan
- iii. Cukai pendapatan individu juga distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang sebelum ini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25%. Justeru, pembayar cukai akan menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3%.

Disamping itu, Kerajaan juga telah mengumumkan pakej bantuan kepada peniaga antaranya seperti berikut:

- i. Kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratusan daripada 25% kepada 24% mulai tahun taksiran 2016;
- ii. Kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan

- satu mata peratusan daripada 20% kepada 19% mulai tahun taksiran 2016;
- iii. Kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan satu hingga dua mata peratusan mulai tahun taksiran 2015;
 - iv. Yuran kesetiausahaan sehingga RM5,000 dan yuran pemfailan cukai sehingga RM10,000 dibenarkan potongan cukai;
 - v. Pemberian bantuan tunai bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST sebanyak RM1,000 kepada PKS;
 - vi. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan; dan
 - vii. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan.

Melalui langkah-langkah ini, kedua-dua pihak peniaga dan pengguna akan mendapat manfaat di mana beban kos perniagaan akan berkurangan, seterusnya memberi kebaikan kepada pengguna.